

24 NOV 1997

APEC PERLU KAWAL SELIA DAGANGAN MATA WANG, KATA PM

Oleh: Salmy Hashim

VANCOUVER, 24 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menggesa para pemimpin Forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) untuk mencapai persetujuan mengenai pengawalan selia dagangan mata wang memandangkan pergolakan mata wang kini mengoncangkan beberapa ekonomi Asia.

Perdana Menteri yang tiba di sini Ahad untuk menghadiri Sidang Kemuncak Pemimpin Apec ke lima di sini, mencadangkan kepada Apec dalam satu majlis makan malam bagi pemimpin industri, supaya satu persetujuan dicapai berhubung peraturan dagangan mata wang dan peniaga-peniaga mata wang tidak sepatutnya diberi dana tanpa had sehingga memaksa negara-negara menerima serangan bertalu-talu seperti yang pernah dialami Malaysia.

Para pemimpin Apec, besar kemungkinan menumpukan perhatian kepada krisis mata wang Asia yang telah menyebabkan Thailand, Indonesia dan Korea Selatan terpaksa merayu bantuan kewangan dari negara-negara jiran Asia serta Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF). Ringgit Malaysia juga turut menerima kesan daripada krisis itu.

Ketua-ketua Apec itu dijangka mengeluarkan perisytiharan ketua-ketua pada akhir sidang kemuncak selama dua hari itu yang bermula Isnin. Ketua-ketua Asean dijangka membincangkan masalah mata wang dengan Presiden Amerika Syarikat (AS) Bill Clinton apabila mereka menemuinya ketika sarapan pada pagi Isnin.

Dr Mahathir mencadangkan pendedahan pasaran bagi dagangan pertukaran asing dihadkan untuk menggandakan modal yang dilaburkan bagi mengurangkan kemudahan mata wang.

"Ia sepatutnya dihadkan bagi mungkin menaikkan hanya seratus peratus lebih daripada apa yang mereka menyimpan untuk modal masa hadapan. Dengan itu barulah persaingan berlaku secara adil," katanya dalam satu sesi soal jawab selepas menyampaikan ucapannya di Sidang Kemuncak CEO Apec.

Dr Mahathir menggesa lebih banyak ketelusan dalam dagangan mata wang sambil mencadangkan peniaga-peniaga didaftarkan dan menjadi anggota pasaran.

"Kita tidak tahu siapa yang berdagang, berapa banyak wang yang didagangkan, di mana dana diperolehi, di mana mereka berdagang? kita tidak tahu."

"Kita mahu tahu berapa banyak wang mereka hasilkan dan jika mereka membuat banyak wang, adakah ia dikenakan cukai? Siapa yang sepatutnya mengenakan cukai kepada mereka? Sememangnya kita tidak boleh membiarkan pihak yang mengumpul berbilion dolar terlepeas begitu sahaja tanpa membayar sebarang cukai," katanya sambil menyatakan Malaysia mengalami kerugian AS\$30 bilion daripada KDNK hasil daripada dagangan mata wang yang tidak dikawal selia.

"Bagaimanapun kita tidak boleh mengenakan cukai terhadap orang yang kita tidak nampak. Mereka mestilah dapat dilihat secara jelas.

Dr Mahathir juga menyelar Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) kerana tidak mengawal selia dagangan pertukaran asing yang menurutnya, 20 kali lebih besar daripada dagangan global dan merangkumi 95 peratus daripada perdagangan dunia.

"Apabila anda mengawal selia dagangan dunia tanpa mengambil pertimbangan dagangan mata wang, anda hanya mengawal selia lima peratus daripada dagangan dunia. Sebanyak 95 peratus daripadanya adalah dagangan mata wang yang berada di luar bidang kuasa WTO.

"Apakah fungsi WTO jika hanya mengawal lima peratus daripada dagangan

dunia?" ajunya.

Menurutnya, beliau telah diberitahu oleh "satu pihak berkuasa terkemuka" bahawa peniaga-peniaga mata wang mempunyai antara mereka AS\$180 bilion dalam dagangan dan mereka boleh meningkatkannya sehingga AS\$3.6 trilion.

"Ketika ini, tiada negara di dunia ini mempunyai perolehan dana seumpama itu, dan sudah pastinya bukan Malaysia di mana bank pusat hanya mempunyai AS\$20 bilion. Bagaimana kita boleh mempertahankan mata wang daripada pihak yang mempunyai trilion dolar...mereka mahu wang kita. Ianya mudah. Ia adalah tamak haloba.

Perdana Menteri berkata krisis itu masih belum berakhir dan mungkin merebak ke negara-negara lain.

"Saya ingin menyatakan bahawa krisis itu sudahpun berakhir, tetapi saya bimbang bahawa ia bukan kerana kuasa-kuasa yang mencetuskan krisis itu masih berada di sana dan bergiat cergas dan sedang mencari ruang baru di mana mereka boleh menjalankan perniagaan seumpama itu," katanya sebagai menjawab satu soalan.

Beliau berkata serangan ke atas mata wang mempunyai kesan seluruh dunia dari Timur Jauh hingga ke Wall Street. -- BERNAMA

SH ZK MA